

Nilai-nilai Maqāṣid al-Sharī'ah Dalam Kitāb al-Aḥimāh: Tinjauan dalam Pemikiran al-Shaykh Muḥammad Arshad al-Banjari (1710-1812 M)

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH & ZULKIFLEY HAMID

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis Maqasid al-Shari'ah (Tujuan-Tujuan Syariat) dalam Kitāb al-Aḥimāh yang terkandung dalam teks fiqh Melayu-Jawi Sabīl al-Muhtadīn karya al-Shaykh Muḥammad Arshad al-Banjari pada abad ke-18 Masihi. Kajian teks ini dilakukan berlandaskan analisis kandungan menggunakan teori Maqāṣid al-Sharī'ah sebagai kerangka. Teori ini membicarakan lima tujuan terbesar syariat yang dipanggil al-Ḍarūriyyāt al-Khams. Al-Ḍarūriyyāt al-Khams meliputi penjagaan lima tujuan terbesar syariat iaitu penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Contoh-contoh yang dipetik dari Kitāb al-Aḥimāh tersebut dianalisis menurut perspektif penjagaan lima item dalam Maqāṣid al-Sharī'ah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelima-lima nilai Maqāṣid al-Sharī'ah dalam Kitāb al-Aḥimāh ini dibincangkan secara menyeluruh di dalamnya. Oleh sebab orang Melayu-Islam sejak berabad menggunakan Sabīl al-Muhtadīn sebagai kitab rujukan fiqh yang utama, dapat kita simpulkan bahawa kitab ini mempunyai pengaruh yang amat besar dalam pembentukan dan pelestarian budaya dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam di seluruh Nusantara.

Kata kunci: pemikiran, Melayu, Sabil al-Muhtadin, Maqasid al-Shari'ah, al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari

ABSTRACT

This study was conducted to analyze the Maqasid al-Shari'ah (Purposes of Syaria) in Kitāb al-Aḥimāh contained in the text of the Malay-Jawi book of fiqh Sabīl al-Muhtadīn, which is the work of al-Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari published in the 18th century AD. Textual analysis is performed based on content analysis using the theory of Maqasid al-Sharī'ah as a theoretical framework. This paper discusses the theoretical tenets of the five main function of syaria called al-Daruriyyat al-Khams. Al-Daruriyyat al-Khams covers five main tenets in syaria that is the protection of religion, life, intellect, lineage and property. The examples quoted from Kitāb al-Aḥimāh are analyzed from the perspective of the five items in the Maqasid al-Sharī'ah. The findings of the study showed that the five values of Maqasid al-Sharī'ah found in this book are discussed thoroughly. Since the Malay-Muslims of Malay Archipelago use Sabīl al-Muhtadīn as a major reference book of syaria, we can conclude that this book has a great influence in the formation and preservation of the culture and mindset of Malay-Muslim community around the archipelago.

Key words: thought, Malay, Sabil al-Muhtadin, Maqasid al-Shari'ah, al-Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari

PENDAHULUAN

Al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari dikenali sebagai seorang sarjana Melayu-Islam yang sangat alim, mashur lagi amat dihormati. Jasa beliau disanjung tinggi kerana berjaya memacu al-tajdid al-Islami (pembaharuan Islam) di Banjar dan juga di seluruh daerah Nusantara¹. Walaupun sudah 200 tahun lebih meninggal dunia, pemikiran beliau masih sangat segar dan terus dikaji. Lebih-lebih lagi pemikiran beliau dalam karya agungnya yang berjudul *Sabil al-Muhtadin*. Karya hebat ini sehingga ke saat ini masih diajarkan kepada masyarakat secara meluas di madrasah-madrasah, pondok-pondok dan masjid-masjid di seluruh Nusantara. Para pemimpin, ulama dan pengkaji sama

ada dari Nusantara mahupun dari ceruk rantau lain seperti dari Eropah mengiktiraf ketokohan al-Banjari. Antara buktinya pada kurun ke-19 Masihi, al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari diberi pengiktirafan utama apabila para ulama menerima dan menyambut baik pengisytiharan kitab *Sabil al-Muhtadin* sebagai kitab rasmi pegangan umat Melayu-Islam Nusantara dalam Mazhab Syafie oleh al-Sultan °Abd al-Hamid al-Thani Khalifat al-Islam wa al-Muslimin dalam pemerintahan al-Dawlah al-°Uthmaniyyah.²

Sebenarnya kecendekiawanan al-Banjari tidaklah tercetus secara kebetulan dan mendadak. Ia adalah hasil dari kesungguhan dan ketekunan al-Banjari lebih dari separuh abad melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu syariat dan pengetahuan-pengetahuan duniawi yang diperlukan terutama

ketika di kota Makkah al-Mukarramah dan al-Madinah al-Munawwarah. Akhirnya al-Banjari belayar pulang ke tanahair untuk mencurah segala jasa dan bakti pada agama, nusa dan bangsa. Usahnya bermatlamat mengajak segenap lapisan masyarakat merealisasi segala tujuan dan kehendak Syariat Islam khususnya tujuan yang paling tinggi dan teragung iaitu mengabdikan seluruh jiwa dan raga kepada Allah s.w.t³.

TUJUAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti nilai-nilai Maqasid al-Shari'ah dalam Kitab al-At'imah dalam teks *Sabil al-Muhtadin*. Metodologi yang digunakan ialah analisis kandungan. Justeru kajian ini bersifat kualitatif. Pengaturan data dan analisis kandungan adalah mengikut teori pemikiran fiqh yang sangat popular zaman ini. Teori tersebut dipanggil teori Maqasid al-Shari'ah. Data yang diseleksi dari teks *Sabil al-Muhtadin*, dianalisis dan dibincang mengikut skop teori tersebut. Perbincangan turut melibatkan ilmu-ilmu Islam yang lain jika bersesuaian. Kesemua langkah ini bertujuan menganalisis nilai-nilai Maqasid al-Shari'ah dalam pemikiran al-Banjari dalam perbincangan Kitab al-At'imah. Antara faedahnya ialah melihat bentuk keberadaan atau pengaruh nilai-nilai Maqasid al-Shari'ah dalam budaya pemakanan yang menjadi tunggak kepada kelangsungan hayat dan kecerdasan badan, minda dan akal budi.

Teori Kajian

Kajian ini menggunakan teori Maqasid al-Shari'ah. Para ilmuan Islam di zaman ini merasakan bahawa menerusi teori ini mereka mampu membawa Islam menghadapi perubahan deras arus perkembangan budaya dan kemajuan teknologi dunia di peringkat global. Penulis juga yakin melalui teori ini, aspek tujuan-tujuan syariat Islam dapat dicungkil dari hukum-hakam fiqh yang tersedia ada dalam *Sabil al-Muhtadin*. Maqasid al-Shari'ah dapat didefinisi sebagai merealisasi kewujudan masalah-masalah untuk kebaikan manusia dengan usaha merealisasikannya ke alam nyata serta memeliharakannya dari dilanda kebinasaan.⁴ Teori ini secara praktikal dikenali sebagai penjagaan al-Daruriyyat al-Khams atau Lima Keperluan Terasas dalam Syari'at Islam. Di dalam teori ini terdapat lima item utama iaitu Hifz al-Din, Hifz al-Nafs, Hifz al-

°Aql, Hifz al-Nasl dan Hifz al-Mal. Kesemua itu bermaksud penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Juga, kesemuanya mempunyai dua lagi tujuan besar syariat yang peranannya melengkapkan al-Maqasid al-Daruriyyat iaitu al-Maqasid al-Hajjiyyat dan al-Maqasid al-Tahsiniyyat. Selain itu bagi ketiga al-Maqasid di atas terdapat pula penyempurna masing-masing yang dinamakan al-Mukammilat. Dalam kajian ini, nilai-nilai dalam penjagaan al-Daruriyyat al-Khams adalah yang ditumpukan.

Biografi Pengarang

Pengarang *Sabil al-Muhtadin* hidup antara tahun 1710-1812 M. Nama penuhnya al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari ibn °Abd Allah al-Banjari ibn °Abd al-Rahman al-Banjari ibn al-Sayyid °Abd Allah al-°Idrus ibn al-Sayyid Abi Bakr al-Sakran ibn al-Sayyid °Abd al-Rahman al-Saqqaf ibn al-Sayyid Muhammad Maula al-Dawilah al-°Idrus. Seterusnya dari Maula al-Dawilah ini bersambung kepada beberapa datuk lagi sehingga kepada Sayyidina °Ali ibn Abi Talib r.a dan isterinya Sayyidatina Fatimah al-Zahra` a.s bint Sayyidina al-Mustafa Muhammad ibn °Abd Allah al-Nabi al-°Arabi al-Hasyimi al-Qurasyi s.a.w.

Guru-guru al-Banjari terdiri dari para ulama besar dan terkemuka dunia yang kebanyakan berada di al-Haramain. Antara mereka al-Sheikh Muhammad ibn Sulaiman al-Kurdi, al-Sheikh Muhammad ibn °Abd al-Karim al-Samman, al-Sheikh Ibn °Ata Allah ibn Ahmad al-Misri, al-Sheikh °Abd Allah ibn Hijazi al-Syarqawi, al-Sayyid Muhammad al-Murtadha al-Zabidi, al-Sheikh °Abd al-Rahman ibn al-Sheikh °Abd al-Mubin al-Fathani dan lain-lain lagi.⁵

Al-Banjari meninggalkan banyak jasa dan sumbangan besar dalam bidang agama, sosial, budaya, politik dan ekonomi di Nusantara. Karya-karya yang dihasilkan dikatakan antara lima belas hingga tujuh belas karya yang amat bermutu dan unik. Antara yang paling terkenal karya agung *Sabil al-Muhtadin* dan *Tuhfah al-Raghibin*.⁶

KAJIAN LEPAS⁷

Berikut dikemukakan liputan beberapa kajian lepas menyentuh teks *Sabil al-Muhtadin*. Ahmad Sarbini dari UKM tahun 2003 mengemukakan disertasi bertajuk *Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjariy: Tinjauan Beberapa Isu Di Dalam Sabil al-*

Muhtadin. Ahmad Sarbini banyak menggunakan teknik argumentasi. Hasil kajiannya menunjukkan al-Banjari mempunyai pendirian tegas terhadap bidaah, sentiasa berpegang dengan pandangan Mazhab Shafi'i serta berjihad dalam permasalahan yang di kategori sebagai permasalahan tempatan yang tidak ada hukum tentangnya dalam kitab-kitab fiqh sebelum *Sabil al-Muhtadin*.

Di USM, sebuah disertasi Sarjana tahun 2002 dibuat oleh Sharifhudin bin Mahfudz. Disertasi tersebut bertajuk *Kajian Hadis Dalam Kitab Sabil al-Muhtadin Juzuk Pertama*. Dengan menggunakan metodologi hadis, kajian ini menemukan 208 buah hadis. 175 buah hadis sahih yang kebanyakan bersumber al-Bukhari dan Muslim. 9 buah hadis hasan dari kategori maqbul dalam perkara sunat dan makruh, 12 buah hadis da'if, 10 buah hadis tidak nyata tentang periwat dan 2 buah hadis tidak ditemui sumber asal.

Di Indonesia, secara spesifik bab zakat dari kitab *Sabil al-Muhtadin* kerap dijadikan skop kajian. Antaranya Skripsi Jurusan Peradilan Agama Fakultas Syariah IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta berjudul *Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Tentang Zakat (studi terhadap kitab Sabil al-Muhtadin)* oleh Moch. Irfan Islami tahun 1998, Skripsi S1, Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga tahun 2003 bertajuk *Konsepsi Zakat Produktif dalam Pemikiran Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari* oleh Hosnu El Wafa, Disertasi *Kitab az-Zakah dalam Naskah Sabil al-Muhtadin Karya Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari: Analisis Intertekstual dan Suntingan Teks* oleh Muslich Shabir dan tesis Sarjana berjudul *Konsepsi Kekuatan Zakat Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat (Tinjauan Atas Pemikiran Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Kitab Sabil al-Muhtadin Littafaqquh fi 'Amr ad-Din)* oleh Syamsiar Zahrani dari Program Ekonomi Islam Pascasarjana Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta. Kesemua kajian di atas adalah berbentuk kualitatif dan sesetengahnya mengambil pendekatan perbandingan. Dapat dikatakan kesemua hasil kajian senada mengatakan ijihad al-Banjari dalam permasalahan zakat sangat unik dan sesuai dengan keperluan semasa. Keunikan ijihad tersebut ialah ia sangat relevan dengan perkembangan dunia masa kini bagi meningkatkan ekonomi umat Islam. Di antara kesemua kajian di atas, Moc. Irfan dan Hosnu mengatakan ijihad al-Banjari sejajar dengan Maqasid al-Shari'ah.

Kajian lain ialah dari Rasyidah HA. Pelajar Fakultas Pascasarjana Institut Agama Islam Negeri

Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 1990 berjudul *Ijtihad Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Dalam Bidang Fikih*. Rashidah membataskan kajian ke atas beberapa aspek sahaja dari *Sabil al-Muhtadin* untuk diketengahkan iaitu perbincangan solat berjemaah, zakat produktif dan pemakaman mayat. Rasyidah HA menyifatkan al-Banjari sebagai mujtahid fi al-masa'il (mujtahid dalam masalah-masalah fiqh) atau dikenal dengan mujtahid fatawa (mutahid dalam fatwa-fatwa) dalam Mazhab Syafie khususnya di daerah Kalimantan Selatan dan sekitarnya.

Fokus Perbincangan dan Alat Kajian

Dalam kajian ini, penulis memilih perbincangan Kitab al-At'imah dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* sebagai fokus penyelidikan. Suatu analisis kandungan akan dibuat berdasarkan skop yang belum disentuh secara serius oleh kajian-kajian lepas iaitu skop al-Masalih al-Shar'iyah. Apa yang dimaksudkan dengan al-Masalih al-Shar'iyah ialah al-Daruriyyat al-Khams (Kepentingan Lima; Penjagaan: Agama, Jiwa, Akal, Keturunan dan Harta) yang dikenali dengan ilmu atau teori Maqasid al-Shari'ah iaitu Tujuan-tujuan Syariat Islam. Secara umum, perbincangan menyentuh aspek pemakanan adalah lebih kepada merealisasi nilai atau tujuan penjagaan nyawa. Walaupun begitu penulis akan cuba membawa nilai-nilai lain bersama iaitu tujuan penjagaan agama, akal, keturunan dan harta. Oleh yang demikian penulis perlu bersikap realistik bahawa apa sahaja contoh yang terdapat dalam Kitab al-At'imah jika dirasakan berkaitan dengan al-Masalih al-Shar'iyah maka penulis akan mengetengahkannya untuk dipertimbang dan dianalisis. Sebelum dipetik contoh-contoh tersebut digariskan pada huraian berikut secara ringkas kandungan Kitab al-At'imah (juga kitab *Sabil al-Muhtadin*) secara umum serta maksud penjagaan lima al-masalih di atas.

Pengenalan Kitab al-At'imah dalam Kitab *Sabil al-Muhtadin*

Kitab al-At'imah ialah sebuah istilah nama bagi perbincangan terakhir dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*. Maksud 'Kitab' dalam istilah 'Kitab al-At'imah' di sini bukan 'buku' sebagaimana yang biasa difahami semua orang. 'Kitab' pada istilah 'Kitab al-At'imah' ialah ceraihan perbincangan secara teknikal dalam penulisan fiqh bagi satu-satu perbincangan ilmiah yang lebih besar skopnya dari hanya diuraikan sebagai

perbahasan ‘bab’ atau ‘fasal’. Setiap perbahasan ‘kitab’ boleh mengandungi berapa saja bilangan ‘bab’ dan ‘fasal’ yang diperlukan atau boleh juga tidak langsung memakai sebarang ceraihan ‘bab’ atau ‘fasal’ seperti pada Kitab al-At‘imah. Hal ini berbeza dari fungsi ‘bab’ atau ‘fasal’ yang biasa diletakkan di bawah huraian ‘kitab’.

Untuk mengenal Kitab al-At‘imah perlu diperkenalkan dahulu induknya iaitu kitab *Sabil al-Muhtadin*. Kitab *Sabil al-Muhtadin* berdasarkan naskhah pada penulis ialah diambil dari Percetakan Bin Halabi, Thailand. Ia dicetak dalam dua jilid. Jilid pertama setebal 252 halaman berserta daftar isi kandungan. Jilid kedua setebal 272 halaman juga berserta daftar isi kandungan. Keseluruhan halaman ialah 524 halaman. Di tepi marjinnya tercetak kitab *al-Sirat al-Mustaqim karya al-Shaykh Nur al-Din al-Raniri*. Karya ini karya asli al-Banjari kerana pada halaman 2-3 jilid pertama Kitab *Sabil al-Muhtadin* ini dicatatkan nama beliau oleh beliau sendiri.⁸ Kandungan terbahagi kepada 8 kitab (topik perbahasan *fiqh*) iaitu Kitab *al-Taharah*, Kitab *al-Salah*, Kitab *al-Zakah*, Kitab *al-Sawm*, Kitab *al-Ftikaf*, Kitab *al-Hajj Wa al-Umrah*, Kitab *al-Sayd Wa al-Dhaba’ih* dan Kitab *al-At‘imah*. Manhaj penulisan kitab *Sabil al-Muhtadin* ialah berdasarkan kepada kitab-kitab *Shafi’iyyah* yang mutamadah terutama kitab-kitab *shuruh* (huraian panjang) dan *hawashi* (nota kaki-nota kaki). Kesemua karya yang dirujuk al-Banjari dikarang oleh para imam dan para *shaykh shafi’iyyah mutakhirin* (selepas al-Imam al-Nawawi) yang umumnya boleh dipegang atau diguna pakai, nukilan dan perbahasan mereka.

Kitab al-At‘imah sendiri terletak pada jilid kedua *Sabil al-Muhtadin* bermula di tengah halaman 256 sehingga halaman penutup pengarang *Sabil al-Muhtadin* iaitu di halaman 267. Setelah diteliti kandungan Kitab al-At‘imah, al-Banjari tidak meletakkan sebarang ‘bab’ atau ‘fasal’. Kesemua huraianya dirangkumkan oleh pengarangnya di bawah huraian ‘kitab’ sahaja. Namun Datuk Hj. Md. Hashim Yahaya dalam buku suntingan beliau berjudul *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din Korban, Akikah, Perburuan, Sembelihan dan Pemakanan* telah membahagi perbahasan Kitab al-At‘imah ini kepada lapan bab. Bab pertama Pengenalan Makanan,⁹ bab kedua Haiwan-Haiwan yang Hidup di dalam Air,¹⁰ bab ketiga Haiwan-Haiwan Dua Alam,¹¹ bab keempat Haiwan-Haiwan Darat yang Halal dimakan,¹² bab kelima Haiwan-

Haiwan Darat yang Haram dimakan,¹³ bab keenam Jenis dan Hukum Hasil Pencarian,¹⁴ bab ketujuh Makan Makanan Haram ketika Darurat¹⁵ dan bab kelapan Adab-Adab Makan.¹⁶

Penjagaan Agama

Penjagaan agama bererti disyariatkan sesuatu perkara untuk mewujudkan dan melestarikan agama. Agama merupakan asas dalam kehidupan. Ia ibarat ruang legar bagi suatu kehidupan yang sejahtera dan stabil. Ia adalah untuk semua individu, bangsa dan umat. Pada agama digantungkan kepercayaan dalam hal mengenal nilai-nilai yang murni khasnya nilai keadilan. Jikalau dibiarkan manusia hidup tanpa suatu perundangan yang menjaga ‘aqidah dan menyusun segala urusan kehidupan mereka, berlakulah kepincangan sistem dan berleluaslah porak peranda.¹⁷ ‘Abd al-Karim Zaydan,¹⁸ menjelaskan bahawa antara contoh penjagaan agama ialah perkara-perkara menyangkut persoalan iman dan rukun-rukunnya seperti mengucap dua kalimah syahadah dan menjaga tuntutan-tuntutannya, serta perkara-perkara pegangan ‘aqidah yang lain seperti beriman dengan kebangkitan dan penghisaban di hari akhirat. Juga, termasuk dalam konteks ini, perkara-perkara asas agama yang dipanggil usul al-‘ibadat (pokok-pokok ibadat) seperti solat, puasa, haji dan zakat. Untuk memelihara agama dari diancam kebinasaan, Allah s.w.t mensyari’atkan beberapa perkara seperti memerangi kuffar yang mengancam keselamatan umat,¹⁹ berjihad melawan musuh agama dan negara, menghukum golongan murtad dan ahli bid’ah dalam perkara keagamaan yang tidak disyari’atkan serta menahan golongan penyeleweng agama seperti mereka yang menghalalkan sesuatu yang diharamkan Allah.²⁰

Penjagaan Nyawa

Penjagaan nyawa bererti disyariatkan sesuatu bagi memastikan manusia dilahirkan ke dunia seperti al-tanasul iaitu mencantumkan benih antara lelaki dan perempuan. Al-Tanasul merupakan kaedah biologi dan *tabi’i* bagi menghasilkan kelahiran bangsa manusia. Dalam Islam, disyariatkan perkahwinan untuk membolehkan berlakunya al-tanasul.²¹ Al-Yubi menjelaskan bahawa maksud nyawa merujuk kepada nyawa yang diambil berat penjagaannya oleh Syariat Islam sahaja. Nyawa tersebut dijagai oleh Islam antaranya kerana tiga sebab. Pertama kerana ia

beragama Islam. Kedua –bagi yang bukan Islam-kerana ia rela membayar jizyah. Ketiga –juga bagi yang bukan Islam-kerana mendapat suaka politik yang diberikan oleh pemerintah Islam.²² Untuk menjaga nyawa, disyariatkan peraturan menyangkut adat dan tabi'i manusia seperti pemakanan, minuman, penempatan dan pemakaian. Di peringkat daruri iaitu peringkat paling tinggi maka kesemua itu diwajibkan mengikut kadar keperluan seminima yang mungkin untuk melangsungkan kehidupan.²³ Diperingkat yang lebih rendah iaitu haji dan tahsini diharuskan perkara-perkara yang diperlukan untuk melestarikan kehidupan seperti memakan benda yang baik dan halal. Juga, kita dihalalkan urusan berjual beli, bergadai, menyewa dan apa sahaja mu'amalat yang serupa. Untuk menjaga nyawa dari dirosakkan, disyariatkan apa yang dapat menghalang dari berlakunya pencerobohan ke atas nyawa seperti al-qisas, iaitu bunuh balas,²⁴ diwajibkan al-diyat (bayaran pampasan) dan al-kifarat (denda-denda tebusan) dan diharamkan melontar diri ke dalam jurang kebinasaan seperti membunuh diri.²⁵ Al-Mardawi al-Hanbali menjelas bahawa sebagai mukammil (penyempurna), maka berlaku al-mubalaghah (berlebihan) dalam penjagaan nyawa seperti dijatuhkan hukuman al-qisas dalam kes-kes yang lebih ringan seperti al-jirahat (kecederaan) dan lain-lain yang seumpamanya.²⁶

Penjagaan Akal

Penjagaan akal bererti disyariatkan perkara-perkara bagi menjamin kewarasan akal. Akal merupakan wahana bagi manusia menerima tanggungjawab menghambakan diri kepada Allah s.w.t. Dengan akal manusia diistimewakan dan dibezakan dari makhluk-makhluk lain. Juga, dengan kelebihan akal, segala perkara dan urusan manusia dapat berjalan di atas landasan yang betul. Oleh yang demikian, Allah mensyariatkan agar akal dipelihara seperti diwajibkan belajar ke atas setiap Muslim. Juga, demi keselamatan akal, maka diharamkan apa saja yang boleh merosakkan akal seperti menggunakan sesuatu yang memabukkan. Bahkan dikenakan hukuman seksaan ke atas mereka yang menggunakan bahan-bahan seperti minuman atau makanan atau suntikan atau sebagainya yang terdiri dari bahan-bahan yang memabukkan, atau yang mengkhayalkan seperti dadah. Menurut al-Mardawi al-Hanbali sebagai mukammil (penyempurna) bagi penjagaan akal maka berlaku al-mubalaghah (tindakan berlebihan)

sehingga diharamkan meminum kadar yang sedikit dari bahan yang memabukkan dan dikenakan pula hukuman had (hudud) ke atasnya.²⁷

Penjagaan Keturunan

Penjagaan keturunan bererti disyariatkan suatu perkara untuk menyambung keturunan keluarga seperti perkahwinan yang sah dari sudut syarak. Untuk menjaga keturunan manusia dan memelihara dari berlaku percampuran benih keturunan yang tidak sah maka diharamkan beberapa perkara seperti perzinaan dan dikenakan hukuman seksa ke atas pelakunya, diharamkan al-qadhaf (tuduhan berzina) dan dikenakan hukuman had ke atas kesalahan melakukannya dan sebagainya.²⁸ Di sini penjagaan maruah juga dapat disertakan jika ia dianggap dari kategori daruri sebagaimana menurut sebahagian ulama. Namun Ibn 'Ashur, ahli ilmu al-Maqasid terkenal di zaman mutakhir mengatakan lebih sesuai jika dikatakan penjagaan maruah termasuk kategori haji (perlu) bukan daruri (terdesak).²⁹

Penjagaan Harta

Penjagaan harta bererti disyariatkan suatu perkara untuk menghasilkan harta. Harta merupakan tulang belakang kehidupan, paksi pembangunan dan sumber kemajuan material bagi manusia. Oleh yang demikian, Allah mensyariatkan pelbagai jalan untuk berusaha menghasilkan harta, mengurus dan menyuburkannya. Sebagai contoh diharuskan pelbagai bentuk mu'amalat (transaksi), disyariatkan zakat dan sebagainya. Untuk menjaga harta dari diancam kebinasaan maka diharamkan kegiatan mencuri, dijatuhkan hukuman hudud ke atas pencuri, dikenakan al-ta'zir dalam kes al-ghasb (rampasan) dan al-ghish (penipuan), diharamkan mengambil harta secara tidak hak, diharamkan merosakkan harta orang lain dan dikenakan bayar ganti rugi atas kebinasaan yang dibuat serta disekat orang yang terencat akal, orang gila dan sebagainya dari mengurus hartanya.³⁰

Kitab al-At'imah dari Perspektif Maqasid al-Shari'ah

Secara umum, dapat dikatakan persoalan pemakanan merupakan hal yang sangat penting kerana fungsinya sebagai wasilah bagi kelangsungan hayat manusia. Disebutkan bahawa manusia makan untuk hidup bukan hidup untuk makan. Dalam Islam, perintah

memakan makanan dan meminum minuman disebutkan dalam beberapa ayat antaranya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا

Bermaksud:

Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi (Surah al-Baqarah 2: 168)

Juga firman Allah s.w.t sebelum dibawakan penjelasan khas tentang bangkai, darah, daging babi dan sebagainya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ
وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِنَّ كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Bermaksud:

Wahai orang yang beriman, makanlah dari rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar kepada-Nya kamu menyembah. (Surah al-Baqarah 2: 172)

Seterusnya penulis memilih beberapa contoh dari Kitab al-At'imah untuk diteliti sudut penjagaan lima nilai Maqasid al-Shari'ah:

- i. Dalam mukadimah Kitab al-At'imah jil. 2. hlm. 256 al-Banjari mengatakan:

این کتاب قدمیتا کن بر شیخ حلال دان بی حرام ما کنندی در وقت سکلی مکان (برمول) معتدل بی حلال دان بی حرام در وقت مکان ایت واجب است که پات ستف در وقت سلمه ۷ مؤکد در وقت سکلی بی مهم قد اکا کارن اده الله قد ما کن آتو بی بی حرام ایت جنجی سکا بی آمة ساعت بیتنه مفاشارت کن کفد ستفون سیدا بی ﴿۱﴾ بی ای علم نیت من حوام فالتار آتی به بی بی بی مان دا کنغ بی عبود در وقت مکان بی حرام مکافی تارک ترتام در غندی (برمول) دلیل بی میتکن حکم حلال دان حرام ایت فرمان الله تعالی (و یصل لهم الطیبات و یحریم عليهم الخبثات) بی مفحلاکن الله تعالی بک مریتکت اکن سکلی مکان بی بی بیک بی کابین نفس دان دوراکن آنس مریتکت سکلی بی جالت بی کنجین نفس دان لا کنی فرمان الله تعالی بی مهافکئی ﴿۲﴾ و یسألونک ماذا أحل لهم قل أحل لكم الطیبات ﴿۳﴾ بی لا کنی اکن منبای مریتکت اکندی بیکو ایماکان یقد حلالکن بک مریتکت کنکن اولهم یأخذ دحلاکن بک کامو سکلی مکان بی بی بیک بی بغد یلغکن بیک اوله نفس بی سجهرادان کابین کندی ﴿شهدان﴾ حلال سکلی سیوان لاوریات بی تیاد

Dalam mukadimah al-Banjari dapat difahami bahawa umat Islam wajib mengetahui tentang halal dan haram berkaitan makanan dan minuman yang dimakan setiap hari. Hal ini demikian kerana berdasar kefahaman dari ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadis bahawa sudah tersedia seksa azab yang amat pedih dari Allah s.w.t bagi mereka yang tidak berpegang kepada hukum halal dan haram Allah dalam aspek pemakanan. Al-Banjari telah membawa sebuah hadis yang ditakhrij oleh al-Imam Ibn Hajar al-Asqalani dari riwayat al-Imam al-Rafi'³¹ dan dua ayat *al-Qur'an al-Karim* iaitu pertama dari surah al-A'raf 7: 157 dan al-Ma'idah 5:4.

Jelas dari keterangan al-Banjari, Kitab al-At'imah diperlukan oleh setiap Muslim untuk melaksanakan kewajipan mengetahui yang halal dan haram dari makanan dan minuman supaya terlepas dari seksa akhirat yang pedih kerana tidak mengendah. Di sini nilai penjagaan agama diserapkan kepada minda pembacanya.

- ii. Dalam Kitab al-At'imah, jil. 2, hlm. Al-Banjari mengatakan:

بیک اوله نفس بی سجهرادان کابین کندی ﴿شهدان﴾ حلال سکلی سیوان لاوریات بی تیاد هیدف ملیتکن ددال ایرلاره آتولاین آتو هیدف ای ددارة تناف تیاد ککل هیدفن سب اادی در فند جنس ا یکن بی مشهورا اتولان در فندان دان سب ادادا ککن ایت جمیول آتو تفکام دان چکلو سرفا ای دغن روظ سیوان دارة بی حرام سکلیون سفرة روظ ا یحصیغ دان بای دان بر حساب کین مک یات حلال ما کنندی دغن بی حال مانین ملیتکن چک ادا ای بحمای راجون سفرة بوتل آتو عبوی مضرة قد عقل آتو بدن کارن فرمان الله تعالی ﴿أحل لكم صید البحر وطمأنة﴾

Dari keterangan di atas, al-Banjari menyatakan syarat-syarat halal binatang air iaitu tiga perkara; hanya dapat hidup di dalam air atau hanya dapat hidup sekejap di darat dan mestilah tidak mempunyai racun seperti ikan buntal yang boleh mengancam keselamatan akal seperti mabuk, hilang akal dan sebagainya serta keselamatan tubuh badan iaitu dari rosak, timbul penyakit atau hilang nyawa.

Jelas sekali syarat keselamatan di atas adalah berdasarkan kepentingan menjaga dua nilai iaitu akal dan nyawa.

- iii. Dalam Kitab al-At'imah jil. 2. hlm. 259, al-Banjari menyebutkan:

جوامک یانت دیلفکن حالن بیغرم چوا ﴿مسئله﴾ چکلو دیوار ارتامفاسن کفد سورغ وال کندن مک جدیله ارتا ایت دارة کارن کرامة بکن کندن مک کبال فول ای کفد سفرة صغن مولان اوتو کفد سفرة بیلان ادا که حلال ما کنندی آتو تیاد برموی بی معتمد تیاد حلال ما کنندی کارن جومسون ای دغن سبب کبالیکن کفد کادان ارتا کبالیله ملک سبک فدان دان تیاد ضهان آنس وی سبب دتوکرکن اکن ارتا ایت کفد داره (برمول) سکلی سیوان بی تیاد نص فدان

Dari keterangan di atas, al-Banjari mengatakan satu masalah iaitu jika suatu harta rampasan perang dibawakan kepada seorang wali Allah lalu kerana anugerah keramat dari Allah kepadanya, harta tersebut bertukar menjadi darah kemudian kembali semula kepada asalnya atau bertukar kepada selainnya maka menurut qawl yang mu'tamad di hukuman harta tersebut selepas kejadian tersebut sebagai tidak halal dimakan kepada wali tersebut kerana harta tersebut telah kembali haknya kepada pemilik yang asal. Juga dijelaskan bahawa tiada dikenakan daman iaitu ganti rugi ke atas wali tersebut kerana ditukarkan harta tersebut kepada darah. Malah dapat difahami dari keterangan al-Banjari, semasa harta tadi bertukar menjadi darah atau benda lain, statusnya berubah menjadi bukan lagi milik pemilik asalnya.

Jelas dari dua hukum di atas pertama tidak halal dimakan oleh si wali tadi kerana di justifikasi

dengan pengembalian hak harta kepada pemiliknya yang asal. Banyak sudut dapat dilihat dari masalah di atas. Antaranya masalah ini menunjukkan menifestasi pemeliharaan harta dari keciciran dan manifestasi pemeliharaan hak pemiliknya yang sama erti memelihara diri individu dalam masyarakat dengan mengiktiraf kewujudan haknya dalam pemilikan. Mungkin tidak salah jika dikatakan ia juga melambangkan penjagaan agama pada diri wali itu supaya tidak merosakkan agamanya dengan memakan makanan yang tidak sah dimiliki kerana ia seperti menghalalkan yang diharamkan. Kedua, dari sudut hukum tidak dikenakan daman iaitu pembayaran ganti rugi ke atas wali tersebut menunjukkan suatu pemeliharaan diri diberi kepada si wali yang tidak harus dikenakan denda atas perubahan tersebut kerana keramat itu dari kuasa Allah s.w.t yang menghasilkan perubahan tersebut dengan kehendak dari-Nya. Ia bukan perlakuan seorang manusia dengan kuasa dan kehendaknya walaupun dia seorang wali. Allahlah sahaja yang mempunyai kuasa memberi dan Dialah jua yang boleh mengambil dari siapa sahaja. Dari sudut lain, penjagaan harta berlaku kepada si wali dengan tidak perlu mengeluarkan ganti rugi dari hartanya sendiri untuk sesuatu kejadian yang berlaku tanpa sebab yang sah disabitkan kepada kecuaiannya.

- iv. Dalam Kitab al-At'imah Jil. 2, hlm. 262:

ابو نك يات تباد لجال كارن داستاكن ماتين ايت دغن سبب فالوايت (شهادن) برغبياف درفد اورقميع مسموم يع سافت حاجه كفن دان سكان اوتومينوم دان تبادد فراوطن اكن يع جلال سره تاكت ايت درفد لافر انس كينسان ديرين اوتو تاكت ايت اكن فباكت يع مياوا كنف كينسان ديرين اوتو برغبياف كين درفد تيب ۴ يع مياوا سكن تيم اوتو كينسان درفد قافه بك اداه سفرن ايت مياو دان ددافن سكان اوتومينوم يع حرام بقنياد مابكن سفره بفسك اورداد دان بك ادا ايت درفد يع منلظة سكينون نسجاي واجبه انس ماعندي اوتومينوم كان عليه اكن ديرين درفد كينسان كارن فرمان الله تعالى ﴿ وَلَا تَسْكُرُوا اَنْفُسَكُمْ ﴾ يعي جاغن كامو بونه اكندي كامو (اداغون) بك ادا يع حرام ايت مابكندي ملك تباد هارس بكين ماعندي اوتومينوم كارن لافر اوتو دكنا (دان دكيناك) واجب انس ماعن اوتومينوم

Al-Banjari menjelaskan bahawa orang ma'sum (seorang yang dipelihara darahnya seperti Muslim, kafir dhimmi dan mu'ahid) apabila sangat perlu kepada makanan atau minuman tetapi tiada ditemuinya yang halal tapi hanya ada padanya dari jenis yang haram sedang keadaannya sangat takut mati kelaparan atau takut penyakitnya akan bertambah serius sehingga boleh menyebabkan rosak diri yang kira-kira tahap daruratnya sama seperti tahap ketinggalan dari rombongannya sedang safarnya dari jenis yang mubah (harus) maka wajiblah dia memakan yang haram itu walaupun bangkai atau darah meskipun dari jenis yang mughallazah

tetapi dengan syarat ianya tidak memabukkan. Hal ini demikian kerana Allah mewajibkan manusia menjaga dirinya dari binasa sama ada pada nyawa dan pada akal. Maka dapat disimpulkan dalam contoh ini terdapat penjagaan nyawa dan penjagaan akal.

- v. Al-Banjari berkata dalam Kitab al-At'imah, jil.2, hlm.262:

بكين ماعندي اوتومينوم كارن لافر اوتو دكنا (دان دكيناك) واجب انس ماعن اوتومينوم
Sambungan di atas pada jil.2, hlm. 263:

يع حرام سبب لافر اوتو دكنا تشكل كيندائن يع جلال بك تاكت ايت اكن له درفد برجان اوتو تاكت ايت اكن كنفكان درفد تولن يع حاصل مضرة دغندي سبب ترنفسكل دان مديله غالب ظنن فحاصل مضرة برسان ففسكان ايتار اسلامه دان كينسان ديرين دغن تباد ماعن اوتو ميم يع حرام نسجاي جلاله بكين ماعندي اوتومينوم (تتاف) برغبياف همغراي كنفد ماتي سفره بوسني ايت كنفد سوات حال يع تباد هيدف فدعاده دغندي دان بك ماعن ايت اكندي سكينون ملك تباده هارس بكين ماعن اوتومينوم يع حرام كارن تباد فاند ماعن اوتومينوم يع حرام (دان جكوا) ساعت حاجه سورغ فرموان كنفد مكان دان اشكن سورغ لاف ۴ يع ادا

Al-Banjari berkata wajib ke atas orang yang seperti yang dinyatakan pada contoh (iv) yang lalu memakan dan meminum benda yang haram sebab lapar atau dahaga sedang waktu itu tiada makanan dan minuman yang halal di sisinya. Namun kewajipan ini berlaku jika dia takut jadi lemah dari terus berjalan atau takut ketinggalan dari rakan-rakannya yang akan mengakibatkan berlaku mudarat ke atas dirinya jika ditinggalkan oleh mereka. Cara menentukan terhasil mudarat itu ialah melalui sangkaannya seperti jika memang mudarat pasti berlaku atau sama berat pada sangkaannya antara selamat dan bahaya dirinya jika tidak makan dan tidak minum yang haram tadi. Dalam contoh ini satu bentuk penjagaan nyawa atau diri ditunjukkan.

Meskipun begitu jika keadaannya sudah hampir mati dengan sekiranya tiada faedah dengan memakan dan meminum yang haram tadi maka kekallah haram memakan dan meminum yang haram itu.

Dapat difahami daripada keterangan di atas, penjagaan diri atau nyawa diutamakan walaupun terpaksa memakan dan meminum benda yang haram. Namun keadaan kedua di atas mengatakan haram memakan yang haram kekal jika tiada menghasilkan faedah menjaga nyawa. Dalam keadaan ini, penjagaan dirinya dari dosa maksiat memakan yang haram adalah wajib dan ia termasuk dalam maksud penjagaan agama dalam diri.

- vi. Al-Banjari berkata dalam Kitab al-At'imah jil. 2, hlm. 263:

حرام (دان جكوا) ساعت حاجه سورغ فرموان كنفد مكان دان اشكن سورغ لاف ۴ يع ادا بكين مكان درفد مبر كندي ملينون دغن زنا ايت دغندي نسجاي تباده هارس بك فرموان ايت زنا دغندي كارن بوسن مفسك كاهي انس زنا دغن بونه افان تباد مياوا سكن ايت اكن زنا

Al-Banjari membawa satu contoh iaitu seorang wanita berada dalam keadaan sangat memerlukan makanan. Tiba-tiba di waktu itu hanya ada seorang lelaki yang sanggup memberikan kepadanya makanan. Meskipun begitu, lelaki itu terlebih dahulu meletakkan syarat agar wanita itu berzina dengannya. Al-Banjari menjelaskan bahawa walaupun dalam keadaan darurat seperti sangat memerlukan makanan tetap tidak diharuskan berzina kerana diqiyaskan kepada hukum tidak diharuskan berzina walau dipaksai dengan ugutan.

Pandangan ini pada zahirnya seperti tidak lagi menyelamatkan nyawa dari terkorban. Sebaliknya yang diutamakan oleh al-Banjari di sini ialah menjaga al-*ird* iaitu maruah dengan memelihara al-*iffah* iaitu kehormatan, juga menjaga keturunan dengan meninggalkan sebab rosak keturunan iaitu zina serta menjaga agama dengan mengiltizami perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, walaupun terpaksa melepaskan nyawa. Penulis tidak ingin memanjangkan persoalan ini dari sudut Usul al-Fiqh walaupun memang terdapat perbincangan yang rumit dalam hal ini di kalangan ulama dari pelbagai mazhab. Tujuan penulis hanya menunjuk kepada contoh untuk maksud penjagaan masalah menurut keprihatinan al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari.

- vii. Al-Banjari berkata dalam Kitab al-At'imah, jil. 2, hlm 263.

درین (دان چکلو) مندافت سوږخ اکن سوات درفد مکان بی حلال واجبہ آتسن مندھلو کندی درفد بی حرام دان چکلو دظنکنن اکن مندافت مکان بی حلال فہماس بی ہمفر سکیرا ۲ نیاد تا کوٹ ای اکن کینساتن درین دھول درفد سہفن کفد مکان ایت نسجای تیدالہ ہارس بکین ماکن درفد بی حرام ملیکن سقدر ترفلہرا روضن درفد تلف دان نیاد ہارس بکین ما کندی ہنک کیغ دغن نیاد خلاف دان چک نیاد دظنکنن مندافت مکان بی حلال فد ماس بی ہمفر مک دانن دواقول سوات درفد کندران ہارس بکین ماکن درفد بی حرام ہنک کیغ دان قول بفکدوا یائت قول بی متمد نیاد ہارس بکین ماکن درفد بی حرام ملیکن سقدر ترفلہرا روضن درفد تلف دان نیاد ہارس بکین ماکن فد کتیکا ایت ملیکن چک تا کوٹ ای اکن -مضرۃ بی دتہارس کن تیممک فد کتیکا ایت ہارس بکین ماکن کیغ سقدر معجہن کاواسن لافرچوا (دان چکلو) ماکن ای درفد بی حرام دهن کیغ کدین

Al-Banjari menjelaskan bahawa jikalau seseorang yang menjumpai makanan yang halal hendaklah mengutamakan dari makanan yang haram. Dalam konteks ini jikalau seseorang menyangka akan mendapat makanan yang halal dalam masa terdekat dan dia tidak rasa dirinya akan binasa sebelum dia sempat mendapatkan makanan yang halal tersebut maka tidak diharuskan kepadanya memakan makanan yang haram kecuali sekadar dapat menjaga nyawa dari binasa. Tidak harus memakannya sampai kenyang dengan tanpa khilaf.

Jikalau dia tidak menyangka sedemikian, maka dalam masalah ini terdapat dua qawl. Qawl pertama ialah harus memakan yang haram hingga kenyang. Qawl kedua iaitu qawl mu^ctamad mengatakan tidak harus memakan yang haram melainkan sekadar menjaga nyawa dari binasa. Tetapi keadaannya di atas perlu mencapai tahap darurat yang mengharuskan bertayamum. Apabila berlaku darurat tadi maka diharuskan memakannya sampai kenyang yang menghilangkan kesan lapar sahaja.

Maksud keterangan yang terakhir agak kurang jelas. Ia kelihatan bagi cuba menghimpun dua qawl sekali. Namun dalam keterangan Datuk Hj. Hashim Yahaya ia adalah termasuk dalam qawl kedua.³² Walaupun demikian jelas dari segala keterangan di atas bentuk penjagaan nyawa yang dititikberatkan al-Banjari. Hanya dalam keadaan darurat barulah diluaskan jalan. Hal ini demikian kerana jika tidak dibatasi dengan darurat tentu tindakan memakan yang haram dianggap perkara kecil dan boleh berleluasa. Dari sudut ini jelas kelihatan penjagaan nyawa berlaku secara terhormat dalam Islam dengan tidak meruntuhkan nilai-nilai berpegang kepada agama. Maka dalam masa yang sama dapat dibayang bentuk penjagaan agama disertakan dalam penjagaan nyawa.

KESIMPULAN

Sebagaimana dihuraikan di atas, lima penjagaan daruriyyat dapat dilihat dalam pemikiran al-Banjari menerusi Kitab al-At'imah. Dalam contoh (i) diwajibkan mempelajari hukum halal-haram pada makanan dan minuman supaya terlepas dari kesalahan yang menyebabkan seseorang mendapat seksa akhirat. Ini menunjukkan kepada aspek penjagaan agama. Contoh (ii) menjelaskan syarat-syarat halal binatang air yang antaranya mesti tidak mempunyai racun atau bisa yang boleh mengancam keselamatan akal dan tubuh pemakannya. Ini menunjukkan kepada penjagaan akal dan nyawa. Seterusnya contoh (iii) dibezakan hukum harta yang berubah dengan perbuatan manusia dari yang berubah kerana kuasa keramat dengan izin Allah. Dijelaskan apa yang halal dan haram tentangnya dan apa yang perlu dikenakan denda mengganti atau tidak. Ini menunjukkan kepada penjagaan harta dan penjagaan agama. Contoh (iv) disebutkan pelbagai bentuk keadaan darurat yang membolehkan seseorang memakan benda yang haram tetapi dengan syarat tidak memabukkan. Ini menunjukkan

kepada sudut penjagaan nyawa dan akal. Contoh (v) menjelaskan bahawa kadang-kadang dalam keadaan darurat sekalipun, hukum haram memakan benda yang haram kekal tidak berubah menjadi halal. Ia berlaku jika faedah yang diharapkan iaitu dapat menjaga nyawa dengan dibenarkan memakan yang haram ketika darurat tidak dapat dicapai lagi kerana ajal kematiannya sudah terlalu dekad. Hukum ini menunjukkan kepada penjagaan agama. Contoh (vi) dijelaskan bahawa tidak diharuskan berzina kepada wanita yang sangat lapar lalu ditawarkan kepadanya makanan oleh satu-satunya manusia yang ada di situ iaitu seorang lelaki tetapi disyaratkan kepada wanita itu perlu berzina dengannya. Hukum ini menunjukkan kepada penjagaan maruah, agama dan keturunan. Contoh terakhir iaitu (vii) menyatakan bahawa dibenarkan memakan makanan yang haram ketika darurat tetapi mesti mengikut kadar tertentu, bukan dengan sebebas-bebasnya. Ini menunjukkan kepada penjagaan nyawa dan agama.

Akhirnya tidak disangsikan, pembaca dapat menyedari bahawa nilai-nilai Maqasid al-Shari'ah sudah lama dipupuk dalam pemikiran masyarakat Melayu menerusi isi Kitab al-At'imah. Oleh kerana kitab *Sabil al-Muhtadin* karya al-Banjari yang di dalamnya dibahaskan Kitab al-At'imah ini telah dijadikan pegangan dan rujukan umat Melayu-Islam sejak dua ratus tahun lalu, maka sudah pasti nilai-nilai yang disalurkan oleh al-Banjari tersebut telah direalisasi dan dibudayakan seperti adanya dari generasi ke generasi dan terus menjadi amalan kehidupan seharian umat Melayu-Islam sehingga sekarang. Rentetan dari itu, dapat dikatakan juga bahawa umat Melayu-Islam dalam aspek budaya pemakanan dan minuman mereka, dilihat tidak membudayakan sikap gelojoh atau rakus atau naif atau kejam atau semborono. Bahkan, mereka warak, realistik, bijak, teliti, sabar dan beradab sopan kerana sentiasa mementingkan di dalamnya aspek-aspek menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat Islam.

NOTAHUJUNG

- 1 Lihat Azyumardi Azra, 1995:251-257.
- 2 Lihat °Abbas, 2002: 882-883; Bruinessen, 2009: tanpa nombor halaman.
- 3 Lihat °Abd al-Rahman °Abd al-Khaliq, 1985: 9.
- 4 Lihat °Abd al-Karim Zaydan, 1993: 376.
- 5 Lihat Ahmad Sarbini, 2003: 16-17.
- 6 Kesemua maklumat biografi diolah dari pelbagai sumber seperti dari koleksi Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah 2000 dan 1990, Ahmad Sarbini, 2003 dan lain-lain.

- 7 Rujuk bahagian Rujukan di akhir artikel ini.
- 8 Lihat naskhah Kitab *Sabil al-Muhtadin* (al-Banjari t.th).
- 9 Al-Banjari 2010, hlm. 195-197, suntingan Datuk Hj. Md. Hashim Yahaya.
- 10 Ibid. hlm. 199-201.
- 11 Ibid. hlm. 203-205.
- 12 Ibid. hlm. 207-209.
- 13 Ibid. hlm. 211-224.
- 14 Ibid. hlm. 225-230.
- 15 Ibid. hlm. 231-246.
- 16 Ibid. hlm. 247-251.
- 17 Lihat al-°Alim, 1991:162.
- 18 Lihat °Abd al-Karim Zaydan, 1993: 376.
- 19 Lihat al-Ansari, t.th:1/125.
- 20 Lihat Badran, t.th: 338.
- 21 Lihat al-Shatibi, 1997: 4/347.
- 22 Lihat al-Yubi, 1998: 211.
- 23 Lihat al-Shatibi, 1997: 2/19.
- 24 Lihat al-Ansari, t.th/1/125.
- 25 Lihat al-Shatibi, 1997: 2/19; Ibn al-Najjar, 1993: 1/266.
- 26 Lihat al-Mardawi, 2000: 7/3384.
- 27 Lihat al-Mardawi, 2000: 7/3384.
- 28 Lihat al-Yubi, 1998:280; Ibn Amir al-Haj, 1996: 3/191; °Ala° al-Din Za°tari, t.th.:8.
- 29 Lihat al-Ghamidi, Sharh Tanqih al-Fusul (tesis), 2000: jil.3, hlm. 49.
- 30 Lihat al-°Alim, 1991: 164, Anon., t.th.: 1/14.
- 31 Al-Imam Ibn Hajar al-°Asqalani mentakhrij hadis ini dalam *al-Talkhis al-Habir* yang merupakan dalil dipakai atau di riwayat oleh al-Imam al-Rafi°i dalam bahagian Kitab al-At'imah. Secara ringkas hadis ini dengan nombor 1987 dapat ditakhrij dari riwayat al-Tirmidhi, Ibn Hibban, al-Hakim, al-Tabrani. Hadis-hadis takhrijnya ada yang berkait Ka°ab ibn °Ujrah dan ada yang berkait Sa°d ibn Abi Waqqas. (lihat al-°Asqalani jil. 4, hlm. 368).
- 32 Lihat al-Banjari 2010, hlm. 235.

RUJUKAN

- Ahmad Sarbini. 2003. Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjariy: Tinjauan Beberapa Isu Di Dalam Sabil al-Muhtadin. Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM.
- Al-Ansari, Zakariyya ibn Muhammad ibn Ahmad, Abu Yahya, Shaykh al-Islam t.th. *Ghayah al-Wusul Fi Sharh Lubb al-'Usul* t.tp: t.pt.
- Al-Banjari, Muhammad Arsyad ibn °Abd Allah. 2010.. *Sabil al-Muhtadin Li al-Tafaquh Fi Amr al-Din Korban, Akikah, Perburuan, Sembelihan dan Pemakanan*. Datuk Hj. Md. Hashim Yahaya. (penyunting). Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Al-Banjari, Muhammad Arsyad ibn °Abd Allah. t.th.. *Sabil al-Muhtadin Li al-Tafaquh Fi Amr al-Din*. Thailand: Bin Halabi.
- Al-°Alim, Yusuf Hamid. 1991. *al-Maqasid al-°Ammah Li al-Shar°ah al-Islamiyyah*. Virginia, USA: al-Ma°had al-°Alami Li al-Fikr al-Islami.
- Al-°Asqalani, Ibn Hajar, Ahmad ibn °Ali, Abu al-Fadl. 1419 H/ 1989 M. *Al-Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadis al-Rafi°i al-Kabir*. t.tp: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Ghamidi, Nasir ibn °Ali ibn Nasir. 2000. Sharh Tanqih al-Fusul min Bidayat al-Bab al-Thalith °Ashar ila Nihayat al-

- Kitab Ta'lif Shihab al-Din Ahmad ibn Idris al-Sanhaji al-Qarafi (t. 684 H) (Dirasah wa Tahqiq) (tesis sarjana. t.tp. t.pt.
- Al-Mardawi, al-Hanbali 'Ala' al-Din, Abu al-Hasan 'Ali ibn Sulaiman. 2000. *al-Tahbir Sharh al-Tahrir Fi Usul al-Fiqh*, al-Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad. 1997. *Al-Muwafaqat*. Suntingan Abu 'Ubaydah Mashur ibn Hasan Aal Salman. t.tp: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Yubi, Muhammad ibn Ahmad ibn Mas'ud. 1998. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Cetakan Pertama, al-Riyadh: Dar al-Hijrah.
- Azyumardi Azra. 1995. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII. Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung; Penerbit Mizan.
- Badran Abu al-'Ainain Badran t.th. '*Usul al-Fiqh al-Islami*. Al-Iskandariyyah: Mu'assasah Syabab al-Jami'ah.
- Bruinessen, Martin van. 2009. Kurdish 'Ulama And Their Indonesian Diciples Utrecht University.http://www.let.uu.nl/~martin.vanbruinessen/personal/publications/Kurdish_ulama_Indonesia.htm. [20 September 2012].
- 'Abbas, Eaman Mohamed. 2002. *Sultan 'Abd al-Hamid II dan kejatuhan khilafah Islamiyyah: peranan gerakan nasionalis dan golongan minoriti*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- 'Abd al-Karim Zaydan. 1993. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Cetakan Pertama. Midan al-Sayyidah Zaynab: Dar al-Tawzi' Wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- 'Abd al-Rahman 'Abd al-Khaliq. 1985. *Al-Maqasid al-'Ammah Li al-Shari'ah Al-Islamiyyah*, Cetakan pertama. Kuwait: Maktabah al-Sahwah al-Islamiyyah.
- 'Ala' al-Din Za'tari t.th. *Qira'ah Fi 'Ilm Maqasid al-Shari'ah*. t.tp: t.pt.
- Hj. W Mohd. Shaghir Abdullah. 1990. *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabil al-Muhtadin*. Kuala Lumpur: PPKKN & Khazanah Fathaniyah
- Hj. Wan Mohd. Syaghir Abdullah. 2000. *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* Jilid 8. Kuala Lumpur: PPKKN & Khazanah Fathaniyah
- Hosnu El Wafa. 2003. *Konsepsi Zakat Produktif dalam Pemikiran Syekh Muhammad Arsyad al-Banjar*. Skripsi S1, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Ibn al-Najjar, al-Futuhi al-Hanbali Muhammad ibn Ahmad ibn 'Abd al-'Aziz. 1993. *Sharh al-Kawkab al-Munir* t.tp.: t.pt.
- Ibn Amir al-Haj. 1996. *Al-Taqrir Wa al-Tahbir Fi 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Moch. Irfan Islami. 1998. *Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Tentang Zakat (studi terhadap kitab Sabil al-Muhtadin)*. Skripsi Jurusan Peradilan Agama Fakultas Syariah IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Muslich Shabir. 2003. *Kitab az-Zakah dalam Naskah Sabil al-Muhtadin Karya Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari: Analisis Intertekstual dan Suntingan Teks*.
- Rasyidah HA. 1990. *Ijtihad Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Dalam Bidang Fikih*. Tesis Fakultas Pascasarjana Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Sharifhudin bin Mahfudz. 2002. *Kajian Hadis Dalam Kitab Sabil al-Muhtadin Juzuk Pertama Disertasi Sarjana USM*.
- Syamsiar Zahrani. t.th. *Konsepsi Kekuatan Zakat Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat (Tinjauan Atas Pemikiran Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Kitab Sabil al-Muhtadin Littafaqquh fi Amr ad-Din)*. Tesis Sarjana Program Ekonomi Islam Pascasarjana Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Wan Mohd. Shaghir bin Abdullah. 1990. *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari: Pengarang Sabil al-Muhtadin*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Muammar Ghaddafi Hanafiah
Pensyarah
Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia.
E-mail: muammar@ukm.my

Zulkifley Hamid
Pensyarah
Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: zulkifly@ukm.my